

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 20 JAN 2015 |

Enam perkara utama pacu ekonomi: Najib

» Kejatuhan harga minyak menuntut kerajaan laksana perubahan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam menggariskan enam perkara utama untuk memacu ekonomi negara dan melindungi kesejahteraan rakyat serta komuniti.

Pada perhimpunan bulanan pertama tahun 2015 Jabatan Perdana Menteri (JPM), semalam beliau berkata, antara yang menjadi keutamaan ialah perlunya melakukan perubahan serta intervensi susulan kelembapan ekonomi dunia, berikutan kejatuhan harga minyak mentah global.

Berikutan itu, Najib yang juga Menteri Kewangan akan mengumumkan pengubahsuaian serta intervensi berkenaan dalam perutusan khas di

Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, hari ini.

GST menyepadu ekonomi

Mengenai perkara kedua, Najib berkata, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April depan dijangka dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk melakukan perubahan fiskal dan menyepadukan ekonomi supaya negara mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan berdaya tahan.

“Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang dijadual pada Mei depan pula perlu memasukkan semua perkara yang dapat memacu Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

“Dalam perjalanan menuju kepada sesuatu matlamat jangka panjang, sudah tentu kita kena buat pengubahsuaian dan mengambil sikap yang pragmatik tetapi tidak lari daripada matlamat yang hendak dicapai,” katanya.

Yang turut hadir pada perhimpunan itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan

Sri Dr Ali Hamsa.

Segera bantu mangsa bah

Dalam pada itu, Najib mahu usaha membina dan membaiki pulih rumah penduduk yang terjejas banjir dilakukan secepat mungkin agar penderitaan mereka dapat dikurangkan.

Menyentuh mengenai ancaman keselamatan, Perdana

“
Dalam perjalanan menuju kepada sesuatu matlamat jangka panjang, sudah tentu kita kena buat pengubahsuaian dan mengambil sikap yang pragmatik tetapi tidak lari daripada matlamat yang hendak dicapai”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Menteri menegaskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu memberi penjelasan sebenar jihad bagi mengelak kekeliruan, seterusnya mencegah rakyat daripada menyertai kumpulan militan Negara Islam (IS).

“Kita mesti terangkan supaya tiada pihak yang salah anggap dan salah faham mengenai apa yang patut mereka lakukan sebagai seorang Islam,” katanya.

Pada masa sama, kerajaan juga mahu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas), Akta Pencegahan Jenayah (POCA) dan Kanun Keseksaan diperkasakan bagi menangani ancaman penganas dan militan di negara ini.

Beliau berkata, satu rang undang-undang bagi mencegah keganasan akan dibentangkan pada Mac depan.

Agresif promosi negara

Menyentuh perkara keenam mengenai ASEAN, Najib menyatakan Malaysia akan dipromosikan serta ditonjolkan secara lebih menyeluruh pada tahun ini selari dengan pemilihan Kuala Lumpur sebagai Pengerusi ASEAN.

“Paling bersejarah, sebagai tuan rumah ASEAN kita akan umum Komuniti ASEAN tahun ini. Segala yang dibuat mestilah meletakkan imej Malaysia sebagai negara terbaik,” katanya.

Pada perhimpunan sama, Najib menerima replika cek bernilai RM425,236 bagi tabung bantuan banjir yang diserahkan Ali, hasil sumbangan warga JPM.

BH-20/1/2015

